



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN) LAKSANA KERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) MENERUSI PROGRAM GAYA HIDUP SIHAT KOMUNITI PERPADUAN-AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS)

31 Mac 2021, Putrajaya – Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah binti Mohamed Sadique dan Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba hari ini menyaksikan Majlis Menandatangani Nota Kerjasama antara Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi pelaksanaan program dan aktiviti di bawah inisiatif Gaya Hidup Sihat Komuniti Perpaduan-Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) bagi tempoh 2021-2025.

2. Kerjasama KPN dan KKM di bawah Gerak Kerja Gaya Hidup Sihat Komuniti Perpaduan-ANMS melibatkan jentera perpaduan yang merangkumi 8,274 Komuniti Rukun Tetangga (KRT) yang terdiri daripada 248,220 keahlian dan sebanyak 5,333 Skim Rondaan Sukarela (SRS) yang terdiri daripada 111, 993 keahlian.

3. Di bawah kerjasama ini, Komuniti Perpaduan akan berperanan menyebarkan maklumat kesihatan meliputi cara hidup sihat dan kesihatan sendiri serta bertindak selaku pemudah cara dan pengantara masyarakat yang bertanggungjawab untuk menilai keperluan kesihatan komuniti, melaksanakan intervensi dan mempraktikkan amalan cara hidup sihat dan norma baharu.

4. Kolaborasi strategik ini mencakupi skop kerjasama dalam program Advokasi Cegah COVID-19, *PPE for Frontliners*, Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN), *Communication For Behavioural Impact* (COMBI), Kenali Ubat Anda, Penjagaan Kesihatan Pergigian (Ikon Gigi), Program PADUKA (Perpaduan dan Keselamatan Makanan) dan Program Tunas Doktor Muda. Ini adalah berdasarkan empat (4) teras di bawah ANMS iaitu memantapkan promosi amalan cara hidup sihat, memantapkan perkhidmatan kesejahteraan rakyat (*wellness*),

memperkasa kawalan sendiri kesihatan dan memantapkan kebersihan persekitaran.

5. Melalui pendekatan *Whole of Government and Whole of Society* dalam Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS), kesihatan merupakan satu keutamaan dalam meningkatkan taraf kesihatan optimum rakyat untuk kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif.

6. Nota Kerjasama ini telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Wan Suraya binti Wan Md Radzi manakala Kementerian Kesihatan Malaysia diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah.

Kementerian Perpaduan Negara & Kementerian Kesihatan Malaysia

31 Mac 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Mengenai Kementerian Kesihatan Malaysia:

Objektif utama Kementerian Kesihatan Malaysia adalah membantu seseorang individu untuk mencapai dan mengekalkan satu taraf kesihatan bagi membolehkannya menjalankan kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif. Kini fokus Kementerian Kesihatan menjadi lebih luas terutamanya dalam menyediakan kemudahan kesihatan yang saksama, mudah diperolehi dan berkualiti. Perkembangan ini selaras dengan perubahan corak kesihatan persekitaran, pembangunan teknologi kesihatan globalisasi dan liberalisasi mengikut corak perubahan penyakit, kesihatan persekitaran dan perkembangan teknologi di peringkat dunia.

Pertanyaan:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perpaduan Negara
Tel +603 8091 8041
Fax +603 8888 8568 / 569
E-mail : pro@perpaduan.gov.my

Bahagian Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tel +603 8883 4431
E-mail : syarmilla_y@moh.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (35)